

# IKLAN JAWATAN KOSONG



## PARLIMEN MALAYSIA

### PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

#### 1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan/ Gred : Pemandu Kenderaan Gred H11
- 1.2 Kementerian/ Jabatan : Parlimen Malaysia
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- 1.4 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.5 Bilangan Kekosongan : Satu (1)

- 2. GRED DAN JADUAL GAJI : RM1,218.00 – RM2,939.00 (Gred H11)

#### 3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.3 Mendapat kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan kerajaan;
- 3.4 Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
- 3.5 Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini; dan
- 3.6 Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

#### 4. DESKRIPSI TUGAS

- 4.1 Bertanggungjawab melaksana skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan;
- 4.2 Bertanggungjawab ke atas kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan;

#### 5. CARA MEMOHON

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia ([www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)).
- 5.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 5.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, Salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, Salinan Kelulusan Akademik dan Salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas).
- 5.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR  
PARLIMEN MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR  
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

#### 6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

**Tarikh Iklan : 14 OKTOBER 2021**

**Catatan Am :** Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.